

03 AUG 1999

Ramli-BN

LAWATAN MAHATHIR SUNTIK SEMANGAT BARU -- KATA RAMLI

IPOH, 3 Ogos (Bernama) -- Lawatan kerja dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Perak yang berkahir hari ini berjaya menyuntik semangat baru di kalangan pemimpin Barisan Nasional (BN) untuk mengeratkan lagi perpaduan serta menyediakan tapak kukuh untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata walaupun lawatan itu singkat Perdana Menteri berjaya menggunakan sepenuhnya kesempatan itu untuk memberi semangat kepada pemimpin dan rakyat negeri ini agar terus menyokong kerajaan serta mengekalkan perpaduan dan kestabilan negara.

"Lawatan Perdana Menteri kali ini amat bermakna dan berjaya menguatkan lagi jalinan kekeluargaan di kalangan anggota Umno khususnya dan BN amnya," katanya selepas mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, yang berlepas pulang dari Lapangan Terbang Azlan Shah hari ini.

Ramli yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan Pengeru BN Negeri berkata tindakan yang disarankan oleh Dr Mahathir supaya pemimpin BN menemui anggota dan penyokong di peringkat akar umbi bagi mendapatkan maklumat balas menjelang pilihan raya umum akan datang adalah satu tindakan yang bijak.

Katanya Perhubungan Umno Perak akan mengadakan mesyuarat secepat mungkin bagi melaksanakan saranan itu, dan akan menghantar laporan itu kepada Dr Mahathir, selaku Presiden Umno dan Pengerusi BN dengan secepat mungkin.

Sementara itu Naib Pengerusi Gerakan Perak, Datuk Chang Kon Youn berkata, lawatan Dr Mahathir itu amat berjaya memandag kepada sokongan yang digambarkan oleh orang ramai yang menyambutnya pada setiap acara yang dihadiri.

"Ini satu tanda baik bahawa rakyat sentiasa menyokong Perdana Menteri dan Barisan Nasional," katanya.

Chang, Pengerusi Jawatankuasa Perbandaran Dan Kerajaan Tempatan, berkata penjelasan yang dibuat oleh Dr Mahathir mengenai beberapa isu ekonomi, politik, dan sosial itu perlu disampaikan oleh kakitangan kerajaan kepada rakyat jelata supaya maklumat tersebut tersebar dengan meluas.

Pemimpin parti komponen pula di peringkat negeri, bahagian dan cawangan perlu membantu Dr Mahathir untuk menyampaikan mesejnya kepada semua pihak bagi menangkis segala tuduhan yang dibuat oleh parti pembangkang, katanya.

-- BERNAMA

PBA NMO